



KISAHNYA




ALKITAB MENGANDUNGI KISAH-KISAH TUHAN. IA ADALAH KISAH TUHAN.

PADA MULANYA –
SEBELUM MASA DICiptAKAN –
ADANYA ALLAH.

DIALAH... YANG
MENCIPTA SYURGA DAN
BUMI YANG KITA LIHAT
HARI INI.



KEMUDIAN BERFIRMAN-
LAH ALLAH, "JADILAH
CAHAYA." LALU TERUS
ADANYA CAHAYA.



ALLAH MEMISAHKAN CAHAYA
DARI KEGELAPAN DAN OLEH ITU
ADANYA PETANG DAN PAGI –
INILAH HARI PERTAMA.



ALLAH KEMUDIAN MEMISAHKAN AIR DI
BAWAH CAKERAWALA DARIPADA AIR YANG
ADA DI ATASNYA. ALLAH NAMAKAN
CAKERAWALA ITU "LANGIT"

INILAH HARI
PENCIPTAAN
KEDUA.



ALLAH BERFIRMAN,
"MENGALIR DAN BERKUMPUL-
LAH SEMUA AIR YANG DI BAWAH
LANGIT DI SATU TEMPAT,
SEHINGGA KELIHATAN TANAH
YANG KERING."

ALLAH MEMANGGIL BAHAGIAN YANG KERING ITU
"DARAT", DAN KUMPULAN AIR ITU DIPANGGIL "LAUT".

KEMUDIAN ALLAH BERFIRMAN,
"HENDAKLAH TANAH MENGHASILKAN
PELBAGAI TUNAS MUDA,
TUMBUH-TUMBUHAN YANG BERBIJI,
SEGALA JENIS POKOK BUAH-BUAHAN
YANG MENGHASILKAN BUAH YANG
BERBIJI.

INILAH HARI PENCIPTAAN KETIGA.



PADA HARI KEEMPAT, ALLAH BERFIRMAN,
"BIARLAH PENERANG-PENERANG MENGISI
CAKRAWALA UNTUK MEMISAHKAN SIANG
DARIPADA MALAM DAN JADILAH
TANDA-TANDA YANG MENUNJUKKAN
PELBAGAI MUSIM DAN HARI SERTA TAHUN,
DAN JADILAH PENERANG-PENERANG DI
CAKRAWALA DEMI MENERANGI BUMI."


JADI, PADA HARI
KEEMPAT, ALLAH
MENCIPTAI ALAM
SEMESTA DAN MATAHARI,
BULAN DAN
BINTANG-BINTANG.



PADA HARI KELIMA TUHAN BERFIRMAN, "HENDAKLAH BERKERIAPAN MAKHLUK HIDUP DI DALAM AIR, DAN HENDAKLAH BURUNG-BURUNG BERTERBANGAN DI RUANG CAKERAWALA DI ATAS BUMI."

ALLAH MENCIPTAKAN PELBAGAI BINATANG LAUT YANG BESAR DAN SEGALA JENIS HIDUPAN YANG BERGERAK, YANG BERKERIAPAN DI DALAM AIR, DAN SEGALA JENIS BURUNG YANG BERSAYAP.

ALLAH MEMBERKATI KESEMUANYA DAN BERFIRMAN AGAR MEREKA MEMBIAK DAN PENUHI AIR DI DALAM LAUT, DAN SUPAYA BURUNG-BURUNG BERTAMBAH BANYAK DI BUMI.



PADA HARI KEENAM, TUHAN BERFIRMAN, "HENDAKLAH BUMI MENGELUARKAN SEGALA JENIS MAKHLUK YANG HIDUP: TERNAKAN DAN BINATANG MELATA SERTA SEGALA JENIS BINATANG LIAR."


JADI, PADA HARI KEENAM, TUHAN MENCIPTAKAN SEMUA HAIWAN-HAIWAN DI DUNIA.



PADA HARI YANG SAMA,
ALLAH MENCIPTA DAN
MEMBENTUKKAN
SEORANG MAHLUK
BARU DARI DEBU TANAH.

ALLAH
MENGHEMBUSKAN
NAFAS HIDUP KE
DALAM MAHLUK INI
LALU IA MENJADI
MANUSIA YANG HIDUP.


ALLAH MEMANGGIL MAHLUK
BARU INI "LELAKI" DAN
MEMBERINYA NAMA "ADAM".



ALLAH MELIHAT SEGALA YANG DIA CIPTAKAN ITU,
DAN BERKATA "KESEMUANYA SANGGUP BAIK."

ALLAH MEMBERI MANUSIA ITU SYURGA DI
DUNIA - SEBUAH TAMAN BERNAMA "EDEN"

ALLAH MEMBERI
KERJA KEPADA
SI MANUSIA ITU -
UNTUK MENJAGA
TAMAN TERSEBUT.



DI TENGAH-TENGAH
TAMAN, ALLAH MENANAM
SEBUAH POKOK HIDUP.
DIA JUGA MENANAM
SEBUAH POKOK LAGI -
POKOK PENGETAHUAN
YANG BAIK DAN JAHAT.

ALLAH BERKATA KEPADA
LELAKI ITU BAHAWA DIA
BEBAS UNTUK MAKAN
DARIPADA SEMUA POKOK
DI TAMAN ITU - TETAPI
MEMBERINYA SATU
AMARAN...

JANGAN ENKAU MAKAN DARIPADA
POKOK PENGETAHUAN YANG BAIK
DAN YANG JAHAT, PADA HARI
ENKAU MEMAKANNYA, ENKAU
PASTI AKAN MATI.




ALLAH MEMBAWA SEMUA HAIWAN
DARATAN DAN BURUNG-BURUNG DARI
LANGIT KEPADA ADAM SUPAYA DIA DAPAT
MEMBERI NAMA KEPADA SETIAP MEREKA.

A man with long dark hair and a beard is sleeping peacefully in a lush green garden. He is lying on his back, looking up towards the sky. The background is filled with various green plants and foliage.

MANUSIA PERTAMA INI
MENINKMATI PERSAHABATAN
RAPAT DENGAN ALLAH.

TETAPI ALLAH TAHU
BAHAWA IA TIDAK
BAIK UNTUK ADAM
BERSENDIRIAN.

JADI TUHAN MENYEBABKAN
ADAM TIDUR DENGAN LENA -
DAN SEWAKTU ITULAH, DIA
MENGAMBIL SEBATANG
TULANG RUSUK ADAM.

A man and a woman are standing in a lush garden, looking at each other. The man is on the right, and the woman is on the left. They are both smiling. The background is filled with green plants and flowers. There are also some birds flying in the sky.

DARI TULANG RUSUK ITU,
ALLAH MEMBENTUK
WANITA PERTAMA...

DAN TUHAN MEMBAWANYA
KEPADA ADAM.

ADAM MEMANGGIL ISTERI
BARUNYA YANG CANTIK, HAWA.
DIA AKAN MENJADI IBU KEPADA
SEMUA UMAT MANUSIA.

MEREKA HIDUP BERSAMA DI DALAM TAMAN
ITU DAN MEREKA SANGAT, SANGAT GEMBIRA.

TETAPI TERDAPAT MAKLUK LAIN YANG MAHU MENGHINDARI MANUSIA DARIPADA KEBAHAGIAAN TUHAN.

DIA ADALAH LUCIFER (IBLIS) – MALAIKAT YANG MEMBERONTAK TERHADAP TUHAN DAN DIUSIR DARIPADA SYURGA.



DIA DATANG KEPADA ADAM DAN HAWA DI DALAM TAMAN ITU SEBAGAI SEEKOR ULAR.



ADAKAH ALLAH BENAR-BENAR BERFIRMAN, “JANGAN KAMU MAKAN BUAH DARIPADA MANA-MANA PUN POKOK DI DALAM TAMAN INI?”

KITA BOLEH MAKAN BUAH DARI POKOK-POKOK DI DALAM TAMAN - KECUALI DARI POKOK YANG BERADA DI TENGAH-TENGAH TAMAN INI.



KITA TIDAK BOLEH MENYENTUHNYA, KALAU KITA MENYENTUHNYA, KITA AKAN MATI.



KAMU TIDAK AKAN MATI. ALLAH TAHU BAHAWA PADA HARI KAMU MEMAKANNYA, KAMU AKAN JADI SEPERTI ALLAH, YANG MENGETAHUI YANG BAIK DAN YANG JAHAT.

KEDUA-DUA LELAKI DAN WANITA LALU MAKANLAH BUAH LARANGAN ITU DAN OLEH SEBAB ITU...



DOSA DATANG KE
DALAM DUNIA MELALUI
KEINGKARAN MEREKA.
MEREKA KINI SEDAR
MEREKA TELANJANG – DAN
MEREKA BERASA TAKUT.

TETAPI, APABILA DOSA
MEMASUKI DUNIA BUAT
PERTAMA KALI, TUHAN
MEMBERI SUATU
PENGORBANAN.



DIA MEMBERI PAKAIAN
YANG DIBUAT DARIPADA
KULIT HAIWAN UNTUK
MENUTUPI BADAN
MANUSIA DAN DOSA
MEREKA. DIA JUGA
MENGHALAU ADAM DAN
HAWA KELUAR DARI
TAMAN ITU.

TETAPI DIA BERJANJI
BAHAWA SEORANG
PENYELAMAT PADA MASA
YANG AKAN DATANG, AKAN
MEMUSNAHKAN SYAITAN.




PERMUSUHAN
ANTARA ENKAU DENGAN
PEREMPUAN INI DAN
ANTARA ANAK-ANAK
KAMU AKAN BERLAKU.

KETURUNANNYA
AKAN MEREMUKKAN
KEPALAMU, DAN KAMU
AKAN MEREMUKKAN
TUMITNYA.



UNTUK MEMASTIKAN MANUSIA TIDAK KEMBALI
KE TAMAN ITU LAGI, ALLAH MENEMPATKAN
MALAIKAT DI PINTU MASUK UNTUK MENJAGA
JALAN KE POKOK HAYAT ITU.



POPULASI MANUSIA MAKIN BERTAMBAH, DAN BUMI MAKIN PENUH DENGAN KEGANASAN. TUHAN DIPILUKAN DENGAN DOSA DAN PEMBERONTAKAN MANUSIA.



DIA MENGAMBIL KEPUTUSAN UNTUK MENGHAPUSKAN SEMUA MANUSIA – DENGAN MENGHANTAR SATU BAJIR BESAR UNTUK MELANDA SELURUH BUMI.

TETAPI SEORANG LELAKI MENDAPAT RAHMAT DI MATA TUHAN. TUHAN BERFIRMAN KEPADA NUH UNTUK MEMBINA SEBUAH BAHTERA BESAR.



TUHAN BAWAKAN KEPADA NUH SEPASANG DARIPADA SEGALA MAKHLUK, JANTAN DAN BETINA, UNTUK HIDUP DI DALAM BAHTERA ITU.

TUHAN MELANDA BUMI DENGAN BANJIR YANG DASYAT DAN SEMUA BENDA HIDUP, MANUSIA DAN HAIWAN YANG BUKAN DI ATAS BAHTERA NUH, MATI LEMAS.



TUHAN MENYELAMATKAN DUA DARI SETIAP JENIS BINATANG SERTA NUH DAN KELUARGANYA.

TUHAN KEMUDIAN BERFIRMAN KEPADA NUH DAN KELUARGANYA, “BERANAKCUCU DAN BERTAMBAH RAMAILAH, DAN PENUHILAH BUMI INI.”

DARIPADA SATU KELUARGA, DATANGLAH SELURUH BANGSA KE BUMI INI.

TETAPI SEKALI LAGI, MANUSIA MENINGKARI TUHAN.



TUHAN MENYURUH
UMAT MANUSIA UNTUK
BERANAKCUCU DAN
BERTAMBAH RAMAI. TETAPI
MANUSIA MENGIKARI
ARAHAN TUHAN.

MEREKA TIDAK MEMATUHI
PERINTAH TUHAN UNTUK
BERSERAK KE SELURUH
MUKA BUMI, DISEBALIKNYA
MEREKA BERHENTI DI
SEBUAH DATARAN SUBUR
YANG DIPANGGIL BABYLON.



DARIPADA MENTAATI TUHAN,
MEREKA DISEBALIKNYA MULA
MEMBINA SEBUAH MENARA YANG
BESAR DENGAN HARAPAN UNTUK
MEMBUATKAN DIRI MEREKA
TERKENAL.

KITA TIDAK PERLUKAN
TUHAN UNTUK MEMERINTAH
KITA. KITA AKAN MEMBINA
SEBUAH BANDAR DAN MENARA
YANG HEBAT DI SINI.


MEREKA MEMPUYAI SEORANG
PEMIMPIN YANG BERNAMA
NIMROD YANG MENGALAKKAN
MEREKA UNTUK MEMBERONTAK.



TETAPI TUHAN TURUN
KE MENARA BABEL DAN
MENGELIRUKAN
PERCAKAPAN MEREKA.



DARIPADA SATU BANGSA, MEREKA KINI
BERCAKAP DALAM BANYAK BAHASA,
DAN ORANG YANG BERCAKAP BAHASA
YANG SAMA, MULA MENGEMBARA
BERSAMA-SAMA KE MERATA-RATA BUMI.



RANCANGAN ALLAH UNTUK MENYELAMATKAN UMAT MANUSIA BERMULA DENGAN PEMILIHAN SEORANG LELAKI- ABRAHAM. TUHAN BERJANJI...

"AKU AKAN MENJADIKAN KAMU MENJADI SUATU BANGSA YANG HEBAT."

TUHAN MENJANJI BILANGAN KETURUNANNYA AKAN BANYAK SEPERTI BILANGAN BINTANG-BINTANG DI LANGIT.

SEORANG DARIPADA KETURUNAANNYA NANTI AKAN MENJADI KORBAN UNTUK DOSA SELURUH DUNIA.



APABILA ABRAHAM BERUMUR 100 TAHUN, LAHIRLAH ANAK LELAKI YANG TUHAN TELAH JANJIKAN KEPADANYA.

TETAPI TUHAN MENGUJI ABRAHAM.

"BAWALAH ANAKMU DAN PERSEMBAHKAN DIA SEBAGAI KORBAN BAKARAN KEPADA-KU."

ABRAHAM TAAT KEPADA TUHAN - DIA PERCAYA TUHAN AKAN MENBANGKITKAN ANAKNYA DARIPADA KEMATIAN.

DAN APABILA ABRAHAM HAMPIR MENGORBANKAN ANAKNYA...

"ABRAHAM! JANGAN LAKUKAN APA-APA KEPADANYA."



KEMUDIAN ABRAHAM MELIHAT DI BELAKANGNYA, SEEKOR DOMBA JANTAN YANG TERPERANGKAP DI DALAM BELUKAR YANG DIA BOLEH KORBANKAN KEPADA TUHAN.



"SEKARANG AKU TAHU ENKAU MENAKUTI-KU KERANA ENKAU DENGAN REDA TELAH MENYERAHKAN ANAKMU KEPADA-KU."


ABRAHAM DAN ANAKNYA LALU MEMBERI PENGORBANAN KEPADA TUHAN DENGAN KORBAN YANG TUHAN TELAH SEDIAKAN UNTUK MEREKA.



KETURUNAN ABRAHAM
BERTAMBAH BANYAK SEPERTI
APA YANG TUHAN TELAH
JANJIKAN.

MUSIM KEBULURAN MEMAKSA
MEREKA BERPINDAH KE MESIR,
DI MANA MEREKA TERUS
BERTAMBAH BANYAK.

KETIKA DI MESIR, MEREKA
DITINDAS DAN DILAYAN
DENGAN KEJAM OLEH
PEMIMPIN MESIR.



TETAPI BILA TIBA MASANYA,
TUHAN MEMBIMBING MUSA
UNTUK MEBAWA UMATNYA
KELUAR DARI MESIR.

TUHAN TELAH MELAKUKAN BANYAK
MUKJIZAT YANG HEBAT UNTUK MENUN-
JUK UMATNYA BAHAWA DIA-LAH YANG
TELAH MENYELAMTAKAN DAN MEMBAWA
MEREKA KEMBALI KEPADA TANAH YANG
DIA TELAH JANJIKAN KEPADA ABRAHAM.



TUHAN MEMBERI MEREKA
SEPULUH HUKUM ALLAH KHAS –
BERSAMA DENGAN HUKUM-
HUKUM DAN PERINTAH-
PERINTAH YANG LAIN, TENTANG
CARA UNTUK MENCINTAI TUHAN
DAN MELAYAN ORANG.

DIA JUGA MENUNJUKKAN CARA
YANG BETUL UNTUK MENYEMBAH
DAN MEMBERI PENGORBANAN
SEBAGAI PERINGATAN UNTUK
DOSA-DOSA MEREKA.

JANGAN SEMBAH
TUHAN-TUHAN LAIN;
SEMBAHLAH AKU SAHAJA.

JANGAN BUAT PATUNG
UNTUK DISEMBAH.

JANGAN SEBUT NAMA-KU
UNTUK MAKSUD YANG JAHAT.

RAYAKANLAH HARI SABAT
DAN HORMATILAH HARI ITU
SEBAGAI HARI YANG SUCI.

HORMATILAH BAPA
DAN IBU KAMU.

JANGAN MEMBUNUH.

JANGAN BERZINA.

JANGAN MENCURI.

JANGAN BERIKAN
KESAKSIAN PALSU TENTANG
ORANG LAIN.

JANGAN INGINI KEPUNYAAN
ORANG LAIN: RUMAHNYA,
ISTERINYA, ABDINYA,
TERNAKANNYA, KELDAINYA
ATAU APA-APA PUN MILIKNYA.



TUHAN MEMBAWA UMATNYA
BALIK KE TANAH YANG DIA TELAH
JANJIKAN KEPADA ABRAHAM.

TETAPI WALAUPUN SELEPAS
UMAT TUHAN MELIHAT
MIKJIZAT-MUKJIZATNYA –
MEREKA MASIH TIDAK
MEMATUHI HUKUM-HUKUMNYA.



MEREKA MEMUJI DEWA-DEWI PALSU
DAN MELAKUKAN PERKARA-PERKARA
YANG BERDOSA.

MEREKA MELAKUKAN INI UNTUK
JANGKA MASA YANG PANJANG.


KEBANYAKKAN BERKATA,
MEREKA TIDAK MAHU
MENTAATI HUKUM-HUKUM
TUHAN YANG DIA TELAH
BERIKAN MELALUI MUSA.



BEBERAPA RAJA-RAJA DAN PERINTAH-PERINTAH MEREKA MENCINTAI DAN MENGIKUTI TUHAN DAN MELAKUKAN PERKARA YANG LUAR BIASA....



...TERMASUKLAH MEMBUNUH GERGASI.



RAJA-RAJA LAIN MEMILIH UNTUK MENGIKUTI DEWA PALSU DAN MEREKA MEMIMPIN RAKYAT MEREKA UNTUK MENYEBAB DEWA-DEWI BERPATUNG.


TETAPI KERANA DIA MENCINTAI MEREKA – TUHAN MENGHANTAR NABI-NABI KEPADA UMATNYA.

INI ADALAH LELAKI YANG TUHAN TELAH HANTAR UNTUK MENGUBAH HATI UMATNYA UNTUK BERPALING BALIK KEPADA TUHAN DAN SUPAYA MEREKA MENJAUHI DIRI DARIPADA TINGKAH LAKU SALAH.



UMAT-UMAT YANG TUHAN INGIN
MENGUNAKAN UNTUK MENUNJUKKAN
DIRINYA KEPADA DUNIA ENGGAN
MENDENGAR KATA NABI- NABI –
WALAU PUN DIA MENGHANTAR
NABI-NABINYA BERKALI-KALI.

AKHIRNYA – TUHAN
MENGHANTAR SEORANG
RAJA YANG KEJAM UNTUK
MEMUSNAHKAN BANDAR
BERHARGA DAN RUMAH IBADAT
MEREKA YANG DIGUNAKAN
UNTUK MENYEMBAH TUHAN.



SELAMA 70 TAHUN, UMAT TERSAYANG TUHAN
DITAWAN DI TANAH YANG JAUH SEBAGAI
HUKUMAN KERANA MENOLAK TUHAN DAN
PERINTAH-PERINTAHNYA.



TETAPI SEPERTI YANG DIJANJIKAN, TUHAN
MEMBAWA UMATNYA BALIK KEPADA TANAH
AIR MEREKA SELEPAS 70 TAHUN.

PADA MASA INI, TUHAN SEKALI LAGI
MENGHANTAR NABI-NABI DAN
PEMIMPIN UNTUK MENGAJAR
MEREKA TATACARA UNTUK HIDUP.



KEMUDIAN DATANGLAH 400
TAHUN DI MANA TUHAN BERDIAM
DIRI DAN TIDAK MENGHANTAR
SEBARANG NABI.




SELAMA 400 TAHUN INI, TAMADUN YUNANI DI BAWAH
PIMPINAN ISKANDAR AGUNG ("ALEXANDER THE GREAT")
MENJADI BERKUASA DAN MEMERINTAH KEBANYAKKAN
TIMUR TENGAH DIMANA UMAT TUHAN MENETAP.



KEMUDIAN KERAJAAN ROM MENGAMBIL
ALIH KUASA DAN TENTERA MEREKA
MENAKLUKI ORANG YUNANI, ISREAL
DAN BANYAK NEGARA-NEGARA LAIN.

TETAPI PADA MASA TEPAT
INI, DI DALAM SEJARAH...

...TUHAN MENGHANTAR
PENGORBANANNYA YANG
SEMPURNA KEPADA DUNIA.



PENGORBANAN INI BUKAN SEPERTI
DARAH KAMBING ATAU LEMBU YANG
ORANG TELAH BERIKAN SEPERTI DULU
UNTUK MENEBUS DOSA MEREKA.

INI ADALAH PENGORBANAN
TUHAN - PENGORBANAN ILAHI
YANG AKAN MENGAMBIL
SEMUA DOSA DUNIA.

TUHAN TIDAK MELUPAKAN
UMAT-UMATNYA.



DARI PERMULAAN, SEJAK LELAKI DAN WANITA PERTAMA, SETIAP MANUSIA TELAH MELAKUKAN SALAH DAN DIPENUHI DENGAN DOSA.



IA HARUS MENJADI SEORANG MANUSIA YANG *TIDAK PERNAH* BERDOSA SEPERTI MANUSIA LAIN.

OLEH SEBAB ITU, TUHAN PERLU MEMBERI SUATU PENGORBANAN YANG TIDAK BERDOSA KE DALAM DUNIA INI.

TUHAN MEMBAWA PENGORBANANNYA YANG SEMPURNA KE DALAM DUNIA DENGAN CARA YANG SANGAT ISTIMEWA.



UNTUK INI, TUHAN MEMILIH SEORANG WANITA MUDA KHAS – SEORANG WANITA YANG TIDAK PERNAH DENGAN SEORANG LELAKI – SUPAYA BAYI INI TIDAK MEMPUNYAI SEORANG BAPA YANG BERDOSA.

ROH KUDUS DATANG KEPADA WANITA MUDA INI, MARIA, DAN MEMBENTUK SEORANG BAYI DI DALAM RAHIMNYA.



KELAHIRAN ANAK ISTIMEWA INI JUGA TELAH DIUMUMKAN OLEH MALAIKAT.

TERMULIALAH ALLAH DI LANGIT YANG TERTINGGI, DAN DI ATAS BUMI, SEJAHTERALAH MANUSIA YANG MENYENANGKAN HATI-NYA.

AKU HAMBA TUHAN; BIARLAH BERLAKU KEPADAKU SEPERTI YANG ENKAU KATAKAN.

NAMA ANAKNYA ADALAH YESUS – DIA ADALAH ANAK TUHAN.



DIA MERUPAKAN SEORANG ANAK YANG ISTIMEWA YANG WALAUPUN MASIH SEORANG BUDAK, DIA MENGAJAR PEMIMPIN-PEMIMPIN AGAMA PADA ZAMAN ITU.



DAN PADA MASA SEMPURNA ALLAH, DIA DIBAPTISKAN DAN MULA MEMENUHI PERANANNYA – DENGAN MENUNJUKKAN KEPADA UMAT TUHAN, TATACARA ALLAH – DAN BAGAIMANA DIA MENJADI PENGORBANAN BAGI DOSA UMAT MANUSIA.



IBLIS SEKALI LAGI MUNCUL, SEPERTI YANG DIA TELAH LAKUKAN KEPADA ADAM DAN HAWA UNTUK MENGGODA MEREKA UNTUK BERDOSA DAN MENGIKUTI CARA-CARANYA DAN BUKAN TUHAN.

SAYA BOLEH BERIKAN SEMUA KERAJAAN DI DUNIA INI DAN KEKAYAANNYA JIKA ENKAU SUJUD MENYEMBAH AKU.

SEMBAHLAH TUHAN ALLAHMU DAN ABDIKAN DIRI KEPADA DIA SAHAJA.



YESUS MULA MENGAJAR LELAKI, WANITA DAN KANAK-KANAK TENTANG CARA-CARA YANG TUHAN INKINKAN UNTUK MEREKA HIDUP.

BERBAHAGIALAH ORANG YANG MENGASIHANI ORANG LAIN, ALLAH JUGA AKAN MENGASIHANI MEREKA.

BERBAHAGIALAH ORANG YANG MURNI HATI, MEREKA AKAN MENGENAL ALLAH.

BERBAHAGIALAH ORANG YANG MEMBAWA KEDAMAIAN ANTARA MANUSIA, ALLAH AKAN MEMANGGIL MEREKA ANAK-ANAK-NYA!

SEMASA YESUS BERADA DI BUMI, DIA MENUNJUKKAN CARA-CARA BAGAIMANA UNTUK MENGIKUTI TUHAN DAN CARA UNTUK MENGASIHI ORANG LAIN.

APA YANG KAMU LAKUKAN UNTUK SEORANG DARIPADA SAUDARA-KU, KAMU TELAH MELAKUKANNYA UNTUK-KU.

JIKA KAMU TELAH MELIHAT-KU, KAMI TELAH MELIHAT BAPA-KU.

DIA JUGA MENUNJUKKAN TATACARA TUHAN:

DIA MEMBERI MAKANAN KEPADA ORANG.

DIA MENYEMBUH ORANG.

DIA BERJALAN ATAS AIR.


DIA JUGA MEMBANGKITKAN MEREKA YANG MATI.

OH!!

BUDAK INI SEKARANG HIDUP KEMBALI...

HANYA TUHAN YANG BOLEH MELAKUKAN MUKJIZAT SEPERTI INI!!

DIA MENCINTAI DAN MEMBERKATI BUDAK-BUDAK.



DIA MEMBERITAHU ORANG TENTANG SYURGA.

DIA MEMBERITAHU ORANG TENTANG NERAKA.



TOLONGLAH
HANTAR LAZARUS UNTUK
CELUPKAN JARINYA DI
DALAM AIR DAN SENTUHI
LIDAH SAYA.

HANTARKAN LAZARUS
KEPADA SAUDARA-
SAUDARA KU.

...UNTUK MEMBERI
AMARAN KEPADA MEREKA
TENTANG TEMPAT
TERUK INI.

DIA JUGA
MENGUSIR
ROH-ROH JAHAT
KELUAR DARI
ORANG.



DI DALAM SETIAP CARANYA,
DIA MENUNJUKKAN BAHAWA
DIA ADALAH TUHAN.



APABILA YESUS BERKATA DIA ADALAH TUHAN, INI BUATKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN AGAMA SANGAT MARAH.

YESUS TELAH DIBERI PERBICARAAN PALSU DAN DI TUDUH BERSALAH WALAUPUN DIA TIDAK BERSALAH.

DIA DISEBAT, DIPUKUL DAN DIPAKU HIDUP-HIDUP KE SALIB.


DI MANA DIA MATI.

ALLAH BAPA –
TERIMALAH
ROH KU.

IBLIS, PEMIMPIN-PEMIMPIN AGAMA,
DAN ORANG ROM DAN DOSA KAMI
TELAH MEMBUNUH YESUS.

MEREKA BERFIKIR KALAU MEREKA
MEMBUNUH YESUS, MEREKA AKAN
HENTIKAN PENGKOTBAHANNYA DAN
TUJUAN ALLAH.

TETAPI MEREKA SALAH....



MEREKA HANYA TELAH MENCAPAI APA
YANG TUHAN TELAH MERANCANG
SELAMA INI – DARI PERMULAANNYA –
DI TAMAN EDEN.

UNTUK MENDEKATKAN MANUSIA
KEPADA TUHAN DENGAN MEMBERI
PENGORBANAN YANG TEPAT DAN
SEMPURNA BAGI DOSA-DOSA MEREKA.

YESUS MERUPAKAN
PENGORBANAAN ITU, YANG
SEMPURNA, YANG TIDAK
BERDOSA.

DAN DIA BUKTIKANNYA
DENGAN MEMBANGKITKAN
DIRINYA DARIPADA
KEMATIAN.



SELEPAS KEMATIANNYA, YESUS
MENAMPILKAN DIRI KEPADA
PENGIKUT-PENGIKUTNYA.

DAN MEMBERI MEREKA PERINTAH
UNTUK MEMBERITAHU ORANG
LAIN TENTANG KATA-KATANYA,
KEHIDUPANNYA – DAN KEMATIAN
SERTA KEBANGKITANNYA.

PERGILAH KEPADA
SEMUA BANGSA DI
SELURUH DUNIA DAN
JADIKANLAH MEREKA
PENGIKUT-KU. BAPTISLAH
MEREKA DENGAN MENYEBUT
NAMA BAPA, ANAK, DAN ROH
ALLAH. AJARLAH MEREKA
MENTAATI SEGALA YANG SUDAH
AKU PERINTAHKAN.

INGATLAH, AKU AKAN
SENTIASA MENYERTAI KAMU
SEHINGGA AKHIR ZAMAN.

SETIAP ORANG YANG
BERSERU KEPADA NAMA
TUHAN AKAN DISELAMAT-
KAN.

SAYA INGIN
BERSERU KEPADA
NAMA TUHAN!

SAYA JUGA!

YESUS!

SELEPAS DIA MENINGGALKAN
BUMI, PENGIKUT-PENGIKUTNYA
PUN MELAKUKAN SEPerti YANG
DIKATAKANNYA – DAN RAMAI
YANG PERCAYA.

YESUS KATAKAN DIA AKAN KEMBALI KE
BUMI UNTUK SEMUA MEREKA YANG
MENYANYANGI DAN MENGIKUTINYA.

APABILA DIA KEMBALI,
SYURGA DUNIA AKAN
DIPULIHKAN.

UMAT MANUSIA, BINATANG-
BINATANG DAN SEMUA YANG
KITA KASHIHI AKAN BERADA
DI SANA.

AKAN ADALAH SYURGA
BARU DAN BUMI BARU.

SEMUA ORANG, MUDA ATAU TUA,
YANG MENGIKUTI YESUS AKAN
BERADA DI SANA – UNTUK
SELAMA-LAMANYA.

ADAKAH ANDA
AKAN BERADA DI
SANA JUGA?



AKULAH JALAN
UNTUK MENGENAL ALLAH
DAN UNTUK MENDAPAT
HIDUP. TIDAK SEORANG
PUN DAPAT DATANG KEPADA
BAPA KECUALI MELALUI
AKU.

ORANG YANG
PERCAYA DAN
DIBAPTIS AKAN
SELAMAT.

ANAK MANUSIA
SUDAH HAMPIR TIBA
BERSAMA-SAMA PARA
MALAIKAT-NYA DENGAN
KEMULIAAN BAPA-NYA.
PADA MASA ITU DIA AKAN
MEMBALAS SETIAP ORANG
MENURUT PERBUATAN
Masing-masing.

BAGAIMANAKAH SAYA BOLEH MENGENALI TUHAN DENGAN MENGIKUTI YESUS?

IKUTI LANGKAH-LANGKAH INI:

1

BERDOA DAN BERTOBATLAH DARI DOSA-DOSA ANDA DAN BERITAHU YESUS
ANDA INGIN BERPALING KEPADANYA, JAUH DARIPADA DOSA-DOSA KAMU.

2

BERDOA KEPADA YESUS UNTUK MENGAMPUNI ANDA DAN BERITAHUNYA
ANDA MAHU MENGIKUTINYA SELURUH KEHIDUPAN ANDA.

3

UCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA YESUS KERANA
MENDENGAR DAN MENJAWAB DOA ANDA.

4

BACALAH ALKITAB SETIAP HARI – KISAH-KISAH TUHAN.

5

KONGSIKAN KEPADA SEORANG YANG MENCINTAI YESUS TENTANG APA YANG ANDA TELAH
LAKUKAN DAN MULALAH BERTEMU DENGAN KUMPULAN YANG JUGA MENGASIHI YESUS.

